

**SOALAN NO. 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT TUAN HEE LOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]

**TARIKH :** 14 MAC 2016

**SOALAN :**

**YB Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan masa depan pelajar-pelajar yang telah berjaya mendapat tempat di luar Negara tetapi gagal kerana tindakan pembekuan biasiswa oleh JPA.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, atas keprihatinan Kerajaan, masa depan pelajar-pelajar tetap terjamin memandangkan penajaan kepada kesemua pelajar lepasan Bursary diteruskan pada tahun ini bagi mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di dalam negara. Kerajaan menerusi pembentangan semakan Belanjawan 2016 yang diumumkan pada 28 Januari 2016, telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM160 juta bagi membiayai penawaran penajaan baharu tahun 2016 demi memastikan kesinambungan pendidikan tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.